Sila baca buku panduan ini dengan teliti sebelum anda menggunakan ketuhar gelombang mikro ini dan disimpan dengan baik untuk rujukan kelak.

Jika anda mematuhi arahan yang digariskan, ketuhar anda akan berfungsi dengan baik untuk tempoh yang lebih lama.

SIMPAN BUKU PANDUAN INI DENGAN BAIK.

LANGKAH BERJAGA-JAGA UNTUK MENGELAKKAN KEMUNGKINAN PENDEDAHAN KEPADA TENAGA GELOMBANG MIKRO YANG BERLEBIHAN

- (a) Jangan cuba menggunakan ketuhar ini dengan pintunya terbuka kerana ia boleh menyebabkan bahaya pendedahan kepada tenaga gelombang mikro. Jangan sesekali memecahkan atau menjejaskan kunci keselamatan pada pintu ketuhar.
- (b) Jangan letakkan sebarang objek di antara bahagian depan dan pintu ketuhar atau membenarkan kotoran atau sisa bahan pencuci terkumpul pada permukaan pengedap.
- (c) AMARAN: Jangan gunakan ketuhar ini jika pintu atau pengedap pintunya sudah rosak, selagi ia tidak dibaiki oleh orang yang kompeten.

ADENDUM

Jika perkakas ini tidak diselenggara dalam keadaan yang bersih, permukaannya mungkin menjadi buruk dan menjejaskan jangka hayat perkakas ini dan mengakibatkan keadaan yang berbahaya.

SPESIFIKASI

Model	EM825AGS-BK
Voltan Terkadar	230-240V~50Hz
Kuasa Input Terkadar (Gelombang Mikro)	1200 - 1250 W
Kuasa Output Terkadar (Gelombang Mikro)	750 - 800 W
Kapasiti Ketuhar	25L
Diameter Meja Putar	Ø270 mm
Dimensi Luaran	485 mm x 397 mm x 293 mm
Berat Bersih	Kira-kira 12.97 kg

ARAHAN KESELAMATAN YANG PENTING

AMARAN

Untuk mengurangkan risiko berlakunya kebakaran, kejutan elektrik, kecederaan kepada manusia atau pendedahan kepada tenaga gelombang mikro berlebihan semasa menggunakan perkakas anda, patuhilah langkah berjaga-jaga asas termasuk yang berikut:

1. **Amaran:** Cecair atau makanan lain tidak boleh dipanaskan di dalam bekas yang kedap kerana ia boleh meletup.
2. **Amaran:** Adalah berbahaya bagi sesiapa melainkan orang yang kompeten untuk menjalankan sebarang penyelenggaraan atau pembaikan yang melibatkan penanggalan penutup yang memberi perlindungan terhadap pendedahan kepada tenaga gelombang mikro.
3. **Amaran:** Perkakas ini hanya boleh digunakan oleh kanak-kanak tanpa pengawasan jika mereka telah diberi arahan yang mencukupi mengenai cara-cara penggunaan perkakas ini agar kanak-kanak mampu menggunakan perkakas ini dengan cara yang selamat dan memahami tentang bahaya yang mungkin berlaku jika digunakan dengan tidak betul.
4. **Amaran:** Apabila perkakas ini digunakan dalam mod kombinasi, kanak-kanak hanya dibenarkan menggunakan perkakas ini di bawah pengawasan orang dewasa kerana suhu yang dihasilkan adalah tinggi (hanya untuk siri memanggang).
5. Hanya gunakan alatan yang sesuai digunakan dalam ketuhar gelombang mikro.
6. Ketuhar ini hendaklah dibersihkan secara berkala dan sebarang longgokan makanan hendaklah dibuang.
7. Baca dan patuhi “LANGKAH BERJAGA-JAGA UNTUK MNEGELAKKAN KEMUNGKINAN PENDEDAHAN KEPADA TENAGA GELOMBANG MIKRO YANG BERLEBIHAN”.
8. Ketika memanaskan makanan dalam bekas plastik atau kertas, sentiasa awasi ketuhar kerana ia mungkin mengakibatkan penyalaaan.
9. Jika terdapat asap keluar dari ketuhar, matikan suis atau cabutkan palam perkakas dan biarkan pintu tertutup untuk menyekat nyalaan api.
10. Jangan memasak makanan terlalu lama.
11. Jangan gunakan rongga ketuhar untuk tujuan penyimpanan. Jangan simpan bahan seperti roti, biskut dan sebagainya di dalam ketuhar.
12. Tanggalkan wayar ikatan berpintal atau pemegang logam pada bekas/beg kertas atau plastik sebelum ia diletakkan di dalam ketuhar.

13. Pasang atau tempatkan ketuhar ini mengikut arahan pemasangan yang diberikan.
14. Telur dalam cengkerang atau telur rebus tidak boleh dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro kerana ia mungkin meletup walaupun selepas tamatnya proses pemanasan dengan gelombang mikro.
15. Hanya gunakan perkakas ini untuk penggunaan yang dimaksudkan seperti dinyatakan dalam buku panduan ini. Jangan gunakan bahan kimia yang mengkakis atau wap di dalam perkakas ini. Perkakas ini bukan direka cipta untuk penggunaan industri atau makmal.
16. Jika kord bekalnya sudah rosak, ia mesti digantikan oleh pengeluar, agen perkhidmatan atau orang yang berkelayakan yang seumpamanya bagi mengelakkan kebakaran.
17. Jangan simpan atau gunakan perkakas ini di luar rumah.
18. Jangan gunakan perkakas ini berdekatan dengan air, di tingkat bawah tanah yang basah atau berdekatan kolam renang.
19. Suhu pada permukaan yang boleh dicapai mungkin tinggi ketika perkakas ini digunakan. Jauhkan kordnya dari permukaan panas dan jangan tutup mana-mana bukaan pada ketuhar.
20. Jangan biarkan kord terjuntai ke bawah penjuru meja atau kaunter.
21. Kegagalan mengekalkan ketuhar ini dalam keadaan bersih boleh menyebabkan permukaannya menjadi buruk dan seterusnya mempengaruhi jangka hayat perkakas ini dan mungkin menyebabkan keadaan berbahaya.
22. Kandungan dalam botol susu dan balang makanan bayi hendaklah dikacau atau digoncang dan sentiasa diperiksa suhunya sebelum dimakan bagi mengelakkan kelecuman.
23. Minuman yang dipanaskan dengan gelombang mikro boleh menyebabkan letusan dididih tertunda, oleh itu, sentiasa berjaga-jaga semasa mengendalikan bekasnya.
24. Perkakas ini tidak disyorkan untuk digunakan oleh orang (termasuk kanak-kanak) yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental, atau kurang pengalaman dan pengetahuan melainkan mereka telah diberi pengawasan atau arahan mengenai cara penggunaan perkakas ini oleh orang yang bertanggungjawab ke atas keselamatan mereka.
25. Kanak-kanak harus diawasi bagi memastikan mereka tidak mempermainkan perkakas ini.
26. Ketuhar gelombang mikro tidak boleh diletakkan di dalam kabinet melainkan ia telah diuji dalam kabinet.
27. Perkakas ini bukan bertujuan untuk dikendalikan dengan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh yang berasingan.
28. Pintu atau permukaan bahagian luaran mungkin menjadi panas semasa perkakas ini digunakan.
29. Permukaan bahagian belakang perkakas ini hendaklah diletakkan menghadap dinding.

Mengurangkan Risiko Kecederaan Kepada Orang

Pemasangan pembumian

BAHAYA

Bahaya kejutan elektrik


Tersentuh sesetengah komponen dalaman boleh menyebabkan kecederaan peribadi yang serius atau kematian. Jangan merungkai perkakas ini.

AMARAN

Bahaya kejutan elektrik

Pembumian yang tidak sempurna boleh menyebabkan kejutan elektrik. Jangan masukkan palam ke dalam alur keluar sehingga perkakas ini dipasang dan dibumikan dengan sempurna.

Perkakas ini mestilah dibumikan. Jika berlakunya litar pintas, pembumian akan mengurangkan risiko kejutan elektrik dengan menyediakan wayar pelepas untuk arus elektrik. Perkakas ini dilengkapi dengan kord yang mempunyai wayar membumi dengan palam membumi. Palam ini mesti dimasukkan ke alur keluar yang telah dipasang dan dibumikan dengan sempurna.



Palam dua pin bulat

Berunding dengan juruelektik atau orang yang menyediakan perkhidmatan jika tidak dapat memahami arahan pembumian dengan sepenuhnya, atau timbul keraguan sama ada perkakas ini telah dibumikan dengan sempurna atau tidak. Jika perlu menggunakan kord pemanjangan, hanya gunakan kord pemanjangan 3 wayar.

1. Kord kuasa pendek disediakan untuk mengurangkan risiko wayar berpintal atau tersandung pada kord panjang.
2. Jika set kord panjang atau kord pemanjangan digunakan:
 - 1) Kadaran elektrik bertanda pada set kord atau kord pemanjangan hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan kadaran elektrik perkakas ini.
 - 2) Kord pemanjangan mestilah jenis kord 3 wayar yang dibumikan.
 - 3) Kord yang panjang mesti disusun kemas supaya tidak terjantai yang mana mungkin tertarik oleh kanak-kanak atau tersandung secara tidak sengaja.

PEMBERSIHAN

Pastikan palam telah dicabut dari bekalan kuasa.

1. Bersihkan rongga ketuhar selepas penggunaan dengan kain yang sedikit basah.
2. Bersihkan aksesori menggunakan air sabun dengan cara yang biasa.
3. Bingkai pintu dan pengedap serta bahagian-bahagian lain yang berdekatan mesti dibersihkan dengan teliti dengan kain basah jika kotor.

AWAS

Bahaya kecederaan peribadi

Adalah berbahaya untuk sesiapa melainkan orang yang kompeten untuk menjalankan sebarang penyelenggaraan atau pembaikan yang melibatkan penanggalan penutup yang memberikan perlindungan terhadap pendedahan kepada tenaga gelombang mikro.

ALATAN

Sila rujuk arahan “Bahan yang boleh digunakan dalam ketuhar gelombang mikro atau yang perlu dielakkan dalam ketuhar gelombang mikro”. Mungkin terdapat alatan bukan logam yang tidak selamat digunakan dalam ketuhar gelombang mikro. Jika anda berasa ragu-ragu, anda boleh menguji alatan yang diragui itu mengikut prosedur berikut.

Ujian Alatan:

1. Isikan bekas tahan gelombang mikro dengan secawan air sejuk (250ml) bersama alatan yang diragui.
2. Masak dengan kuasa maksimum selama 1 minit.
3. Sentuh alatan dengan berhati-hati. Jika alatan kosong itu panas, jangan digunakan untuk memasak dengan gelombang mikro.
4. Jangan memasak melebihi 1 minit.

Bahan yang boleh digunakan dalam ketuhar gelombang mikro

Alatan	Catatan
Kerajang aluminium	Sebagai pelindung sahaja. Helaian kecil yang rata boleh digunakan untuk menutup bahagian daging atau ayam itik yang nipis bagi mengelakkan terlebih masak. Pengarkaan boleh terjadi jika kerajang terlalu rapat dengan dinding ketuhar. Kerajang hendaklah dijarakkan sekurang-kurangnya 2.5 cm dari dinding ketuhar.
Pinggan perang	Patuhi arahan pengeluar. Bahagian bawah pinggan perang mestilah sekurang-kurangnya 5 mm di atas meja putar. Penggunaan yang salah mungkin menyebabkan meja putar pecah.
Perkakas hidangan	Tahan gelombang mikro sahaja. Patuhi arahan pengeluar. Jangan gunakan pinggan yang retak atau sumbing.
Balang kaca	Sentiasa tanggalkan penutupnya. Hanya gunakan untuk memanaskan makanan hingga suam. Kebanyakan balang kaca tidak tahan panas dan mungkin pecah.
Perkakas kaca	Perkakas kaca ketuhar tahan panas sahaja. Pastikan tiada kelim logam. Jangan gunakan pinggan yang retak atau sumbing.
Beg memasak ketuhar	Patuhi arahan pengeluar. Jangan tutup dengan pengikat logam. Buat torehan untuk membenarkan stim keluar.
Pinggan dan cawan kertas	Digunakan untuk memasak/memas dalam jangka pendek sahaja. Jangan tinggalkan ketuhar tanpa pengawasan semasa memasak.
Tuala kertas	Digunakan untuk menutup makanan bagi memanaskan semula makanan atau menyerap lemak. Digunakan dengan pengawasan untuk memasak dalam jangka pendek sahaja.
Kertas kulit	Digunakan sebagai penutup untuk mengelakan percikan atau sebagai pembalut untuk mengukus makanan.
Plastik	Tahan gelombang mikro sahaja. Patuhi arahan pengeluar. Mesti berlabel "Tahan Gelombang Mikro". Seseengah bekas plastik akan menjadi lembut apabila makanan di dalamnya menjadi panas. "Beg didih" dan beg plastik yang ditutup ketat mesti ditoreh, dicucuk atau dilubangkan seperti yang diarahkan pada bungkusannya.
Pembalut plastik	Tahan gelombang mikro sahaja. Digunakan untuk menutup makanan semasa memasak untuk mengekalkan kelembapan. Jangan benarkan pembalut plastik daripada bersentuhan dengan makanan.
Termometer	Tahan gelombang mikro sahaja (termometer daging dan gula)
Kertas lilin	Digunakan sebagai penutup untuk mengelakkan percikan dan mengekalkan kelembapan.

Bahan yang perlu dielakkan dalam ketuhar gelombang mikro


Alatan	Catatan
Dulang aluminium	Boleh menyebabkan pengarkaan. Pindahkan makanan ke dalam pinggan tahan gelombang mikro.
Kotak makanan dengan pemegang logam	Boleh menyebabkan pengarkaan. Pindahkan makanan ke dalam pinggan tahan gelombang mikro.
Alatan logam atau dengan kelim logam	Logam akan menghalang makanan daripada tenaga gelombang mikro. Kelim logam boleh menyebabkan pengarkaan.
Pengikat pintal logam	Boleh menyebabkan pengarkaan dan boleh menyebabkan kebakaran di dalam ketuhar.
Beg kertas	Boleh menyebabkan kebakaran di dalam ketuhar.
Busa plastik	Busa plastik mungkin cair atau mencemarkan cecair di dalamnya apabila terdedah kepada suhu tinggi.
Kayu	Kayu akan mengering apabila digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro dan boleh terbelah atau retak.

MEMASANGKAN KETUHAR ANDA

Nama bahagian-bahagian ketuhar dan aksesori

Keluarkan ketuhar dan semua barang lain dari kotak dan rongga ketuhar. Ketuhar anda didatangkan bersama aksesori berikut:


Dulang kaca	1
Pasangan relang meja putar	1
Panduan pengguna	1



- A) Panel kawalan
- B) Aci meja putar
- C) Pasangan relang meja putar
- D) Dulang kaca
- E) Tingkap pemerhatian
- F) Pasangan pintu
- G) Sistem kunci keselamatan

PEMASANGAN MEJA PUTAR

Hab (bahagian bawah)



- a. Jangan sekali-kali letakkan dulang kaca secara terbalik. Dulang kaca juga tidak boleh tersekat.
- b. Kedua-dua dulang kaca dan pasangan relang meja putar mesti sentiasa digunakan semasa memasak.
- c. Semua makanan dan bekas makanan hendaklah sentiasa diletakkan di atas dulang kaca semasa memasak.
- d. Jika dulang kaca atau pasangan relang meja putar retak atau pecah, hubungi pusat perkhidmatan terdekat yang diberi kuasa.

PEMASANGAN PERMUKAAN MEJA DAPUR (COUNTERTOP)

Tanggalkan semua bahan pembungkusan dan aksesori.


Periksa ketuhar sama ada terdapat apa-apa kerosakan seperti pintu kemik atau pecah. Jangan dipasang jika ketuhar sudah rosak.

Kabinet: Tanggalkan sebarang lapisan pelindung pada permukaan kabinet ketuhar gelombang mikro.

Jangan tanggalkan penutup Mika berwarna perang muda yang terlekat pada rongga ketuhar yang berfungsi untuk melindungi magnetron.

PEMASANGAN

1. Pilih permukaan rata dengan ruang terbuka yang mencukupi untuk bukaan pengalir masuk dan/atau keluar.



Permukaan bahagian belakang perkakas diletakkan menghadap dinding. Ruang lapang antara ketuhar dengan mana-mana dinding yang bersebelahan hendaklah sekurang-kurangnya 7.9 inci (20 cm). Salah sebelahnya hendaklah terbuka.

- (1) Bahagian atas ketuhar hendaklah ditinggalkan ruang lapang minimum 12 inci (30 cm).
 - (2) Jangan tanggalkan kaki dari bahagian bawah ketuhar.
 - (3) Ketuhar akan menjadi rosak jika bukaan pengalir masuk dan/atau keluar terhalang.
 - (4) Jauhkan ketuhar dari radio dan TV kerana pengendalian ketuhar gelombang mikro mungkin menyebabkan siaran radio atau TV anda terganggu.
2. Pasang palam ketuhar anda pada alur keluar rumahtangga yang standard. Pastikan voltan dan frekuensinya adalah sama seperti voltan dan frekuensi pada label kadaran.

AMARAN: Jangan pasang ketuhar berdekatan dengan dapur masak atau perkakas lain yang menghasilkan haba. Jika dipasangkan berdekatan dengan sumber haba, ketuhar mungkin akan rosak dan jaminan tidak akan diberikan ke atas kerosakan sedemikian.

PENGENDALIAN


1. Paras Kuasa

11 paras kuasa disediakan.

Paras	10	9	8	7	6	5	4	3	2	1	0
Kuasa	100%	90%	80%	70%	60%	50%	40%	30%	20%	10%	0%
Paparan	PL10	PL9	PL8	PL7	PL6	PL5	PL4	PL3	PL2	PL1	PL0

2. Tetapan jam

(1) Tekan “**Jam**”, “00:00” akan dipaparkan.



(2) Tekan butang angka dan masukkan waktu semasa. Contohnya, jika masa sekarang ialah 12:10, sila tekan angka “1, 2, 1, 0” satu demi satu.



(3) Tekan “**Jam**” untuk mengakhiri tetapan jam. “:” akan berkelip dan jam akan bernyala.

(4) Jika angka yang dimasukkan bukan di dalam lingkungan 1:00—12:59, tetapan adalah tidak sah sehingga angka yang sah dimasukkan.

Nota:

(1) Dalam proses tetapan jam, jika butang “**Berhenti/Batal**” ditekan atau jika tiada sebarang pengendalian dilakukan dalam masa 1 minit, maka ketuhar akan kembali kepada tetapan asal secara automatik.

(2) Jika masa jam perlu ditetapkan semula, sila ulangi langkah 1 hingga 3.

3. Pemasa Dapur

(1) Tekan “**Pemasa Dapur**”, LED akan memaparkan “00:00”, angka jam pertama akan berkelip.



(2) Tekan butang angka dan masukkan masa pemasa (masa memasak maksimum ialah 99 minit dan 99 saat).

(3) Tekan “**Mula/+30Saat**” bagi mengesahkan tetapan.



(4) Apabila telah mencapai masa pemasa, alat penggera akan berbunyi 5 kali.

Jika jam telah ditetapkan (sistem 12-jam), LED akan memaparkan waktu semasa.

Nota:

(1) Jika jam dapur adalah berbeza daripada sistem 12-jam, paparan berkenaan merupakan Pemasa Dapur.

(2) Ketika Pemasa Dapur dihidupkan, mana-mana program lain tidak boleh ditetapkan. Tekan “**Berhenti/Batal**” dua kali bagi mematahkan fungsi pemasa dapur.

4. Memasak dengan gelombang mikro



- (1) Tekan "**Masa Memasak**" sekali, LED akan memaparkan "00:00".
- (2) Tekan butang angka bagi memasukkan masa memasak, masa memasak maksimum ialah 99 minit dan 99 saat.
- (3) Tekan "**Kuasa**" sekali, LED akan memaparkan "PL10". Kuasa tetapan asal adalah pada 100% kuasa. Sekarang, anda boleh tekan butang angka bagi melaraskan paras kuasa yang dikehendaki.
- (4) Tekan "**Mula/+30Saat**" untuk mula memasak.

Contoh: Untuk memasak makanan dengan 50% kuasa gelombang mikro selama 15 minit.

- a. Tekan "**Masa Memasak**" sekali, "00:00" akan dipaparkan.
- b. Tekan angka "1", "5", "0", "0" mengikut urutan.
- c. Tekan "**Kuasa**" sekali, lepas itu tekan "5" bagi memilih 50% kuasa gelombang mikro.
- d. Tekan "**Mula/+30Saat**" untuk mula memasak.



Nota:

- (1) Dalam proses penetapan, jika butang "**Berhenti/Batal**" ditekan atau jika tiada sebarang pengendalian dilakukan dalam masa 1 minit, maka ketuhar akan kembali kepada tetapan asal secara automatik.
- (2) Jika "PL0" dipilih, ketuhar akan berfungsi dengan kipas tanpa sebarang kuasa.
- (3) Ketika memasak dengan gelombang mikro, "**Kuasa**" boleh ditekan bagi menukar kuasa yang dikehendaki. Apabila "**Kuasa**" ditekan, kuasa sedia ada akan berkelip selama 3 saat, dengan itu anda boleh tekan butang angka bagi menukar kuasanya. Ketuhar ini akan berfungsi pada kuasa yang dipilih untuk masa memasak yang tertinggal.

5. Memasak dengan segera

- (1) Dalam keadaan sedia, memasak segera pada 100% kuasa boleh dimulakan dengan memilih masa dari 1 hingga 6 minit dengan menekan pad angka 1 hingga 6. Tekan "**Mula/+30Saat**" untuk menambahkan masa memasak. Masa memasak maksimum ialah 99 minit dan 99 saat.
- (2) Dalam keadaan sedia, memasak segera pada 100% kuasa dengan 30 saat masa memasak boleh dimulakan dengan menekan "**Mula/+30Saat**". Setiap kali butang yang sama ditekan, masa akan bertambah sebanyak 30 saat. Masa memasak maksimum ialah 99 minit dan 99 saat.

Nota: Ketika memasak dengan gelombang mikro dan nyahfros mengikut masa, masa boleh ditambah dengan menekan butang "**Mula/+30Saat**".

6. Fungsi nyahfros mengikut berat



- (1) Tekan "**Nyahfros Mengikut Berat**", LED akan memaparkan "dEF1".
- (2) Tekan butang angka bagi memasukkan berat yang hendak dinyahfros. Berat yang dimasukkan harus di dalam lingkungan 100 ~ 2000 g.
- (3) Jika berat yang dimasukkan bukan di dalam lingkungan 100 ~ 2000 g, berat itu adalah tidak sah.
- (4) Tekan "**Mula/+30Saat**" untuk mula menyahfros dan masa memasak yang tertinggal akan dipaparkan.

7. Fungsi nyahfros mengikut masa



- (1) Tekan "**Nyahfros Mengikut Masa**", LED akan memaparkan "dEF2".
- (2) Tekan butang angka bagi memasukkan masa menyahfros. Masanya harus berada di antara 00:01 ~ 99:99.
- (3) Kuasa gelombang mikro tetapan asal adalah pada paras kuasa ke-3. Jika anda hendak menukar paras kuasa, tekan "**Kuasa**" sekali, LED akan memaparkan "PL3", lepas itu tekan pad angka paras kuasa yang dikehendaki.
- (4) Tekan "**Mula/+30Saat**" untuk mula menyahfros dan masa memasak yang tertinggal akan dipaparkan.

8. Bertih jagung

- (1) Tekan "**Bertih Jagung**" berulang-ulang kali sehingga angka yang dikehendaki timbul pada paparan, "50", "100" g akan dipaparkan secara urutan.
Contoh: tekan "**Bertih Jagung**" sekali, "50" akan timbul.
- (2) Tekan "**Mula/+30Saat**" untuk mula memasak, alat penggera akan berbunyi 5 kali, lepas itu perkakas ini akan kembali kepada keadaan sedia.

Maklumat penting mengenai ciri-ciri memasak bertih jagung dengan gelombang mikro:

- (1) Ketika memilih 50-100g bertih jarung, anda disyorkan melipat satu segitiga pada setiap penjuru beg sebelum memasak. Sila rujuk kepada gambarajah di sebelah kanan.
- (2) Jika/apabila beg bertih jagung mengembang dan tidak berputar dengan baik, sila tekan butang "**Berhenti/Batal**" sekali dan buka pintu ketuhar, selaraskan kedudukan beg bagi memastikan dimasak dengan sekata.

9. Ubi kentang

(a) Tekan **“Ubi Kentang”** berulang-ulang kali sehingga angka yang dikehendaki timbul pada paparan, **“1”**, **“2”**, **“3”** akan dipaparkan secara urutan.

“1” SET : 1 biji ubi kentang (kira-kira 230 gm)

“2” SETS : 2 biji ubi kentang (kira-kira 460 gm)

“3” SETS: 3 biji ubi kentang (kira-kira 690 gm)

Contoh, tekan **“Ubi Kentang”** sekali, **“1”** akan timbul.

(b) Tekan **“Mula/+30Saat”** untuk mula memasak, alat penggera akan berbunyi 1 kali. Apabila tamatnya proses memasak, alat penggera akan berbunyi 5 kali, lepas itu ketuhar akan kembali kepada keadaan sedia.

10. Sayur-sayuran sejuk beku

(a) Tekan **“Sayur-sayuran Sejuk Beku”** berulang-ulang kali sehingga angka yang dikehendaki timbul pada paparan, **“150”**, **“350”**, **“500”**g akan dipaparkan secara urutan.

Contoh: Tekan **“Sayur-sayuran Sejuk Beku”** sekali, **“150”** akan timbul.

(b) Tekan **“Mula/+30Saat”** untuk mula memasak, alat penggera akan berbunyi 1 kali. Apabila tamatnya proses memasak, alat penggera akan berbunyi 5 kali, lepas itu ketuhar akan kembali kepada keadaan sedia.

11. Minuman

(a) Tekan **“Minuman”** berulang-ulang kali sehingga angka yang dikehendaki timbul pada paparan, **“1”**, **“2”**, **“3”** gelas akan dipaparkan secara urutan. Satu gelas kira-kira 120 ml. Sebagai contoh, tekan **“Minuman”** sekali, **“1”** akan timbul.

(b) Tekan **“Mula/+30Saat”** untuk mula memasak, alat penggera akan berbunyi 1 kali. Apabila tamatnya proses memasak, alat penggera akan berbunyi 5 kali, lepas itu ketuhar akan kembali kepada keadaan sedia.

12. Pinggan makan

(a) Tekan **“Pinggan Makan”** berulang-ulang kali sehingga angka yang dikehendaki timbul pada paparan, **“250”**, **“350”**, **“500”**g akan dipaparkan secara urutan.

Contoh: Tekan **“Pinggan Makan”** sekali, **“250”** akan timbul.

(b) Tekan **“Mula/+30Saat”** untuk mula memasak, alat penggera akan berbunyi 1 kali. Apabila tamatnya proses memasak, alat penggera akan berbunyi 5 kali, lepas itu ketuhar akan kembali kepada keadaan sedia.

13. Piza

(a) Tekan **“Piza”** berulang-ulang kali sehingga angka yang dikehendaki timbul pada paparan, **“100”**, **“200”**, **“400”**g akan dipaparkan secara urutan.

Contoh: Tekan **“Piza”** sekali, **“100”** akan timbul.

- (b) Tekan **“Mula/+30Saat”** untuk mula memasak, alat penggera akan berbunyi 1 kali. Apabila tamatnya proses memasak, alat penggera akan berbunyi 5 kali, lepas itu perkakas ini akan kembali kepada keadaan sedia.

14. Fungsi ingatan

- (1) Tekan **“0/Ingatan”** bagi memilih prosedur ingatan 1-3. LED akan memaparkan 1, 2, 3.
- (2) Jika prosedur berkenaan telah ditetapkan, tekan **“Mula/+30Saat”** bagi menggunakan prosedur itu. Jika tidak, teruskan untuk menetapkan prosedur yang dikehendaki. Hanya satu atau dua peringkat boleh ditetapkan.
- (3) Setelah tamatnya proses penetapan, tekan **“Mula/+30Saat”** untuk menyimpan prosedur berkenaan, dan ketuhar akan kembali kepada keadaan sedia. Jika **“Mula/+30Saat”** ditekan sekali lagi, ia akan mula memasak.
- Contoh: Untuk menetapkan prosedur berikut sebagai ingatan kedua, iaitu Ingatan 2, bagi memasak makanan dengan 80% kuasa gelombang mikro selama 3 minit dan 20 saat.

Langkah-langkahnya adalah seperti berikut:

- (a) Dalam keadaan sedia, tekan **“0/Ingatan”** dua kali, berhenti menekan sehingga **“2”** dipaparkan pada skrin.
- (b) Tekan **“Masa memasak”** sekali, lepas itu tekan **“3”, “2”, “0”** mengikut urutan.
- (c) Tekan **“Kuasa”** sekali, **“PL10”** akan dipaparkan, lepas itu tekan **“8”** dan **“PL8”** akan dipaparkan.
- (d) Tekan **“Mula/+30Saat”** bagi menyimpan tetapan. Alat penggera akan berbunyi 1 kali dan ketuhar akan kembali kepada keadaan sedia. Jika **“Mula/+30Saat”** ditekan sekali lagi, prosedur berkenaan akan disimpan sebagai Ingatan 2 dan dikendalikan.
- (e) Jika bekalan elektrik tidak diputuskan, prosedur berkenaan akan disimpan sepanjang masa. Jika bekalan elektrik telah diputuskan, maka prosedur itu perlu ditetapkan semula.
- (f) Jika anda hendak memulakan prosedur yang disimpan, dalam keadaan sedia, tekan **“0/Ingatan”** dua kali, skrin akan memaparkan **“2”**, lepas itu tekan **“Mula/+30Saat”** untuk memulakan prosedur itu.

15. Memasak berperingkat

Paling banyak 2 peringkat boleh ditetapkan untuk memasak. Dalam mod memasak berperingkat, jika salah satu peringkat ialah menyahfros, maka proses menyahfros akan ditempatkan sebagai peringkat pertama secara automatik.

Nota: Memasak Auto tidak boleh digunakan dalam mod memasak berperingkat.

Contoh: Jika anda ingin memasak makanan pada 80% kuasa gelombang mikro selama 5 minit dan 60% kuasa gelombang mikro selama 10 minit. Langkah-langkah memasak boleh ditetapkan seperti berikut:


- (1) Tekan **“Masa Memasak”** sekali, lepas itu tekan **“5”, “0”, “0”** bagi menetapkan masa memasak;
- (2) Tekan **“Kuasa”** sekali, lepas itu tekan **“8”** bagi memilih 80% kuasa gelombang mikro.

- (3) Tekan "**Masa Memasak**" sekali, lepas itu tekan "1", "0", "0", "0" bagi menetapkan masa memasak;
- (4) Tekan "**Kuasa**" sekali, lepas itu tekan "6" bagi memilih 60% kuasa gelombang mikro.
- (5) Tekan "**Mula/+30Saat**" untuk mula memasak.

16. Fungsi pertanyaan

- (1) Dalam keadaan memasak, tekan "**Jam**", LED akan memaparkan masa selama 3 saat.
- (2) Dalam keadaan memasak dengan gelombang mikro, tekan "**Kuasa**" untuk mengetahui paras kuasa gelombang mikro, dan kuasa gelombang mikro sedia ada akan dipaparkan. Selepas 3 saat, ketuhar akan kembali kepada keadaan terdahulu. Dalam keadaan memasak berperingkat, pertanyaan boleh dilakukan dengan cara yang sama seperti di atas.

17. Fungsi penguncian untuk kanak-kanak

Mengunci: Dalam keadaan sedia, tekan "**Berhenti/Batal**" selama 3 saat, bunyi bip yang panjang akan berbunyi menandakan perkakas ini masuk ke keadaan penguncian untuk kanak-kanak, LED akan memaparkan "".

Membuka kunci: Dalam keadaan berkunci, tekan "**Berhenti/Batal**" selama 3 saat, bunyi bip yang panjang akan berbunyi menandakan kunci telah dibuka.

18. Fungsi peringatan tamatnya proses memasak

Apabila tamatnya proses memasak, alat penggera akan mengeluarkan 5 bunyi "bip" bagi mengingatkan pengguna bahawa proses memasak telah tamat.

19. Spesifikasi-spesifikasi lain

- (1) Dalam keadaan sedia, jika tiub digital jam memaparkan waktu semasa, ikon ":" akan berkelip; jika tidak, ia akan menunjukkan "0:00".
- (2) Dalam keadaan fungsi penetapan, LED akan memaparkan tetapan yang berkaitan.
- (3) Dalam keadaan bekerja atau berhenti, LED akan memaparkan masa memasak yang tertinggal.

PENYELESAIAN MASALAH

Normal	
Ketuhar gelombang mikro mengganggu siaran TV.	Siaran radio atau TV mungkin terganggu apabila ketuhar gelombang mikro digunakan. Gangguan ini serupa dengan gangguan dari perkakas elektrik kecil seperti pengadun, penyedut hampagas dan kipas elektrik. Gejala ini adalah normal.
Lampu ketuhar menjadi malap.	Semasa memasak menggunakan gelombang mikro dengan kuasa rendah, lampu ketuhar mungkin menjadi malap. Gejala ini adalah normal.
Wap terkumpul pada pintu dan udara panas mengalir keluar dari bukaan pada ketuhar.	Semasa memasak, wap mungkin dibebaskan dari makanan. Kebanyakan wap akan keluar melalui bukaan. Tetapi sesetengah wap mungkin terkumpul di tempat sejuk seperti pintu ketuhar. Gejala ini adalah normal.
Ketuhar dihidupkan secara tidak sengaja dengan tiada makanan di dalamnya	Jangan sesekali hidupkan unit ini dengan tiada makanan di dalamnya. Kejadian ini adalah amat berbahaya.

Masalah	Sebab-sebab yang mungkin	Penyelesaian
Ketuhar tidak dapat dihidupkan	(1) Kord kuasa tidak dimasukkan dengan ketat.	Cabut palam. Kemudian masukkan semula selepas 10 saat.
	(2) Fius meletup atau litar terputus.	Gantikan fius atau mengeset semula pemutus litar (dibaiki oleh pekerja profesional dari syarikat kami)
	(3) Ada masalah dengan alur keluar.	Uji alur keluar dengan perkakas elektrik lain
Ketuhar tidak menjadi panas	(4) Pintu tidak ditutup dengan baik.	Tutup pintu dengan baik
Meja putar kaca mengeluarkan bunyi bising apabila ketuhar gelombang mikro dihidupkan	(5) Tempat letak roda dan bahagian bawah ketuhar sudah kotor.	Rujuk kepada "Penyelenggaraan Ketuhar" untuk membersihkan bahagian yang kotor.

PN:1617000A64144



Mengikut arahan Peralatan Elektrik dan Elektronik Buangan (WEEE), WEEE hendaklah dikumpulkan dan dirawat secara berasingan. Jika anda ingin melupuskan produk ini pada masa hadapan, jangan lupuskan bersama sisa isi rumah yang lain. Sila hantarkan produk ini ke tempat pengumpulan WEEE yang sedia ada.